

05 JUL 1999

BN-Perayaan

JUBLI PERAK BN BERI TUMPUAN KHUSUS KEPADA GENERASI MUDA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Sambutan perayaan Jubli Perak Barisan Nasional (BN) tahun ini akan dijadikan peristiwa penting bagi mengingatkan rakyat terutamanya generasi muda tentang kejayaan Malaysia yang dihasilkan melalui falsafah politik BN.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata program-program yang akan dianjurkan sempena perayaan ulangtahun ke-25 gabungan itu juga akan memberi pendedahan kepada generasi muda berkaitan kejayaan BN dalam mewujudkan kemakmuran daripada kalangan penduduk berbilang kaum negara ini.

"Anak-anak muda sekarang tidak tahu apa itu BN. Oleh itu, wajarlah kita ingatkan kembali jasa BN pada negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas setiausaha agung 14 parti-parti komponen BN, di sini hari ini.

Beliau berkata sambutan ulangtahun itu bukanlah satu pembaziran wang rakyat kerana semua perbelanjaan akan menggunakan wang yang diperolehi daripada sumber dalaman parti.

Berapa banyak perbelanjaan yang dikeluarkan tidak menjadi persoalan kerana program itu penting bagi menyedarkan generasi muda tentang matlamat perjuangan BN yang perlu diteruskan, katanya.

Beliau berkata generasi muda dan generasi lama yang telah mendapat banyak faedah daripada perjuangan BN sebelum ini perlu diingatkan bahawa BN sahaja yang mampu menerajui negara pada alaf akan datang.

Menurut Mohamed sambutan ulangtahun BN kali terakhir diadakan pada 1995 bagi menyambut ulangtahun ke-20 gabungan itu.

Sambutan ulangtahun berkenaan berjaya menyedarkan orang ramai tentang jasa BN dan ia terbukti apabila BN berjaya memenangi dua pertiga kerusi pada pilihan raya umum 1995, katanya.

Pada bulan lepas, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa pusat yang bertanggungjawab membuat persiapan bagi sambutan Jubli Perak BN.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Datuk Seri Mohamed Rahmat sebagai setiausaha, Tun Daim Zainuddin sebagai bendahari dan semua pemimpin 14 parti komponen BN sebagai anggota jawatankuasa.

-- BERNAMA

NY RON